

**TEKS UCAPAN
TUAN YANG DIPERTUA
DI
MAJLIS PELANCARAN
PROJEK BAJET RESPONSIF GENDER FASA 4 TAMAN
REKREASI PANGSA PPR AMPANGAN
DAN HARI KELUARGA PANGSA PPR AMPANGAN
DI TAMAN BANDAR, AMPANG JAJAR
7 APRIL 2013 (AHAD)**

Terima kasih Pengacara Majlis.

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud

Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang
Perai

Yang Dihormati Dr. Cecilia Ng

Penasihat Projek GRB

Yang Dihormati Puan Aloyah Binti Bakar

Pengarah Projek, Penang Women's Development
Corporation (PWDC)

Y.Bhg. Ahli - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Y.Bhg. Encik Mat Nasir Bin Hassan

Pengarah Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan
Penilaian dan Pengurusan Harta

Y.Bhg. Ketua-ketua Jabatan

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Y.Bhg. Encik Ahmad Syahrir Bin Jaafar

Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan
Harta

Y.Bhg. barisan AJK-AJK Jawatankuasa LA 21 Pangsa
PPR Ampangan,

Penduduk-penduduk Pangsa PPR Ampangan, Ampang
Jajar

Rakan-rakan Media

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat
Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Pertama sekali, bersyukur kepada tuhan kerana memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan untuk sama-sama menghadiri *Majlis Pelancaran Fasa 4 Taman Rekreasi dan Hari Keluarga Pangsa PPR Ampangan* pada hari ini.
2. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan khusus kepada *Urusetia* bagi program ini yang telah berusaha menganjurkan program pada pagi ini.
3. Saya juga memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya dapat saya hadir di majlis yang besar ertinya ini dan seterusnya merasmikan program pada hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

4. Program pada pagi ini adalah merupakan dua (2) program yang diadakan secara serentak iaitu *Majlis Pelancaran Projek BRG Fasa 4 Taman Rekreasi dan juga Hari Keluarga Pangsa PPR Ampangan*. Ini merupakan dua (2) gabungan program yang dianjurkan bagi memenuhi keperluan penduduk Pangsa PPR Ampangan amnya.

5. Penduduk Pangsa PPR Ampangan adalah merupakan komuniti yang paling hampir dengan Taman Bandar ini. MPSP telah merancang bagi mengaktifkan atau meremajakan Taman Bandar ini selaras dengan Fokus 2013. Saya sangat-sangat menggalakkan agar tuan-tuan dan puan-puan semua datang berkunjung untuk beriadah di sini. Galakan ini bukan sahaja tertumpu kepada penduduk Pangsa PPR Ampangan sahaja malah semua lapisan masyarakat dialu-alukan untuk beriadah serta menikmati kemudahan yang disediakan di Taman Bandar ini.

6. Terdapat banyak kemudahan rekreasi disediakan di Taman Bandar ini. Antaranya ialah laluan berbasikal sepanjang 770 meter, menara tinjau, wakaf rehat, tandas, alat-alat senaman dan alat permainan kanak-kanak. Di Taman Bandar Ampang Jajar juga, penduduk PPR Ampangan dan penduduk sekitar kawasan ini boleh merancang menjalankan aktiviti komuniti seperti acara sukan, senamrobik dan mungkin juga aktiviti senaman Tai Chi di sini.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

7. MPSP prihatin dengan keperluan penduduk-penduduk Pangsa PPR Ampangan. Walaupun lokasi Taman Bandar dan Pangsa PPR Ampangan berdekatan tetapi MPSP komited untuk melengkapkan kemudahan rekreasi sedia ada di belakang tapak Dewan Orang Ramai Pangsa PPR Ampangan demi memenuhi keperluan penduduk Pangsa PPR Ampangan yang diterjemahkan melalui undian penduduk semasa berlangsung peringkat Fasa Ketiga Projek Bajet Responsif Gender yang dikelolakan oleh Tetuan PWDC pada 9 September 2012. Di dalam undian tersebut, 19.6% penduduk mengundi untuk diperbanyakkan kemudahan rekreasi di perkarangan perumahan tersebut. Ini adalah merupakan projek yang menjadi pilihan utama penduduk.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

8. Untuk makluman, pada tahun 2012, MPSP telah menyediakan taman permainan kanak-kanak bagi kemudahan anak-anak penduduk Pangsa PPR Ampangan bermain dan beriadah yang melibatkan kos

berjumlah RM 30,000.00 Pada tahun ini, MPSP akan menambah bilangan kemudahan rekreasi berdasarkan keperluan penduduk Pangsa PPR Ampangan seperti mewujudkan wakaf istirehat, tapak refleksologi dan *outdoor gym*. Kos bagi penyediaan kemudahan rekreasi ini dianggarkan menelan belanja RM50,000.00 Perlu saya ingatkan bahawa, kemudahan rekreasi yang telah dan akan disediakan juga perlu digunakan dan dijaga dengan sebaik yang mungkin. Kemudahan-kemudahan ini diadakan adalah bagi mempromosikan konsep gaya hidup yang sihat sepertimana salah satu slogan Kerajaan Negeri ke arah membawa Pulau Pinang lebih bersih (*cleaner*), lebih hijau (*greener*), lebih selamat (*safer*) dan kini lebih sihat (*healthier*). MPSP menyediakan kemudahan tersebut dan tentunya menjadi tanggungjawab penduduk Pangsa PPR Ampangan untuk memeliharanya.

9. Selain daripada keperluan itu, sejak tahun 2006 lagi MPSP telah menyediakan kemudahan tempat tinggal di rumah Pangsa PPR Ampangan yang selesa dengan sewa bulanan yang sangat rendah. MPSP menanggung pelbagai perbelanjaan termasuklah kos-kos penyelenggaraan dan kos-kos pembaikan kerosakan.

Perbelanjaan tahunan untuk Pangsa PPR Ampangan ini adalah melebihi RM260,000.00 setahun. Oleh yang demikian, saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan semua supaya memastikan sewa bulanan dapat dijelaskan mengikut seperti apa yang telah termaktub dalam perjanjian sewaan antara MPSP dan penduduk-penduduk Pangsa PPR Ampangan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

10. Majlis pelancaran pada pagi ini turut digabungkan dengan aktiviti Hari Keluarga Pangsa PPR Ampangan yang akan turut menyediakan pelbagai aktiviti riadah, permainan dan persembahan seni kebudayaan bagi memupuk keakraban sesama kita dan mempertingkatkan potensi serta bakat yang ada di kalangan penduduk Pangsa PPR Ampangan. Pelbagai aktiviti dijalankan seperti aktiviti senamrobik dan persembahan anak-anak Pangsa PPR Ampangan dan juga beberapa pertandingan seperti peraduan melukis dan mewarna kanak-kanak bagi kategori 7–9 tahun dan kategori 10-12 tahun, pertandingan gubahan, acara treasure hunt, pertandingan memakai sampin, kerusi berirama dan pertandingan karaoke. Selain itu, pameran

kitar semula juga diadakan sempena dengan majlis perasmian pada pagi ini. Tujuan pameran ini diadakan adalah untuk memupuk kesedaran dan keprihatinan semua masyarakat tentang pentingnya aktiviti kitar semula dalam meningkatkan kualiti alam sekitar serta mengurangkan beban kewangan Kerajaan dalam pelupusan sisa pepejal. Dengan adanya aktiviti kitar semula, penjana sampah diharapkan dapat berkurang, kos pengurusan sampah juga dapat dikurangkan.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian,

11. Program Hari Keluarga seperti ini memberi manfaat yang tidak ternilai dan pengertian yang amat mendalam dalam proses pembangunan masyarakat. Di hari-hari biasa kita sibuk dengan urusan kerja dan keluarga masing-masing tetapi hari ini kita berkesempatan untuk berkumpul bersama-sama jiran tetangga. Ia secara tidak langsung dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim sesama jiran tetangga dan juga warga kerja MPSP.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

12. Sebelum mengakhiri ucapan pada pagi ini, saya ingin menyeru kepada penduduk Pangsa PPR Ampangan dan semua pengunjung untuk bersama-sama dengan MPSP menjaga kemudahan yang disediakan di Taman Bandar ini dan mengelakkan perlakuan vandalisma. Jagalah taman ini sebagaimana kita menjaga harta kita sendiri. Merosakkan harta awam ini umpama kita menjejaskan kualiti hidup masing-masing kerana kemudahan awam disediakan bagi manfaat seluruh masyarakat. Semoga aktiviti yang diadakan pada hari ini akan dapat menggembirakan tuan/puan di samping meningkatkan lagi hubungan sesama keluarga serta jiran.

13. Dengan lafaz Bismillahirrahmaanirrahim sukacitanya saya merasmikan *Majlis Pelancaran Fasa 4 Taman Rekreasi dan Hari Keluarga Pangsa PPR Ampangan*.

Sekian, terima kasih.